

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : DAKWAAN MAHKAMAH KEPADA KILANG PENCEMAR SUNGAI SEMENYIH

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana tindakan mahkamah kepada sebuah kilang di Lot 1571 Batu 22 1/4 Jalan Sungai Lalang, Semenyih yang disita oleh Kerajaan Negeri pada 4 Oktober 2016 kerana disyaki mencemar Sungai Semenyih?
- b) Apakah status kedudukan tanah yang disita oleh Kerajaan Selangor berkaitan perkara (a)?
- c) Apa yang dilakukan terhadap barang-barang yang dirampas dan berapakah nilai rampasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tindakan pendakwaan telah diambil terhadap pemilik premis di Mahkamah Sesyen Kajang. Pertuduhan telah difailkan pada Mei 2017 dengan sebanyak enam (6) pertuduhan seperti berikut:-
 - i. Seksyen 79(1)(d) Enakmen LUAS1999;
 - ii. Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
 - iii. Seksyen 24(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
 - iv. Seksyen 34B(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
 - v. Seksyen 34A(7) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dan
 - vi. Seksyen 121(1)(c) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

Pemilik premis tersebut tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan. Perbicaraan telah dimulakan dan sebanyak 11 orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberikan keterangan.

Walau bagaimanapun pemilik premis tersebut telah gagal menghadiri perbicaraan pada 14 November 2017. Waran Tangkap telah dikeluarkan terhadap pemilik premis tersebut dan kes ini akan disebut di Mahkamah selanjutnya.

- b) Pemilik tanah dan pengusaha Lot 1571 Batu 22 ¼ (Pengusaha Depoh Jentera Berat dan aktiviti pemprosesan minyak) telah meremedikan tanah (memulihkan tanah) sama rata dengan paras jalan pada 16 Oktober 2016.

Lawatan tapak terkini bertarikh 22 Oktober 2017 turut dilaksanakan. Keadaan tanah telah dibersihkan dan tiada sebarang struktur bangunan di atasnya. Tanah kerajaan (tanah rezab sungai) yang berdekatan juga telah dibersihkan dan tiada struktur bangunan lagi.

- c) Barang-barang yang dirampas terdiri daripada tanah-tanah tercemar (*contaminated soil*) kesan daripada pembuangan Bahan Terjadual yang tidak mengikut proses dan prosedur pelupusan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Selain daripada itu, Lembaga Urus Air Selangor turut merampas dan menyita dokumen-dokumen dan tong-tong IBC yang digunakan untuk menyimpan minyak-minyak terpakai yang terdapat di premis berkenaan.

Tanah-tanah tercemar dan tong-tong IBC telah dilupuskan oleh pihak Kualiti Alam Sdn Bhd iaitu syarikat yang berlesen di bawah Jabatan Alam Sekitar untuk melupuskan tanah-tanah tercemar berkenaan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Timbalan Pendakwa Raya. Manakala dokumen-dokumen yang dirampas telah dijadikan sebagai bahan bukti bagi menyokong tindakan pendakwaan yang dimulakan oleh Lembaga.

Barang-barang yang dirampas tidak mempunyai nilai kewangan malah menjadi liabiliti kepada Lembaga kerana tanah-tanah tercemar berkenaan perlu dilupuskan mengikut proses dan prosedur pelupusan Bahan Terjadual di bawah kos dan belanja yang perlu didahulukan oleh Lembaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KEMAJUAN PROJEK LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana kerja-kerja pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) telah dilaksanakan dan apakah terdapat masalah-masalah semasa yang menghalang pemajuan projek tersebut?
- b) Bilakah LRA2 tersebut dapat beroperasi serta kawasan-kawasan mana di Lembah Klang dan Selangor yang akan menerima air LRAL2?

JAWAPAN:

- a) Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) adalah dilaksanakan oleh dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Melalui maklumat yang diperoleh, kerja-kerja sebenar di tapak telah mencapai 64.47% berbanding jadual sebanyak 71.40%. Tarikh jangkaan siap keseluruhan projek dijadualkan pada akhir tahun 2020.
- b) Apabila LRAL2 ini siap dan beroperasi, ianya akan membekalkan air terawat ke kolam-kolam agihan di Hulu Langat, Ampang, AU3, Kuala Lumpur, Cheras, Sg Besi, Bukit Jalil, Serdang dan Puchong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KERJA-KERJA MENGATASI BANJIR KILAT DI SEMENYIH DAN BERANANG

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana kerja-kerja yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah banjir kilat di Semenyih dan Beranang?
- b) Bagi kerja-kerja tersebut, sebanyak mana perbelanjaan yang telah dibuat?
- c) Adakah apa-apa tindakan kepada mana-mana pihak yang menyebabkan banjir kilat akibat kegagalan mematuhi prosedur Kebenaran Merancang di Hulu Langat?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Bagi mengatasi masalah banjir kilat di Semenyih dan Beranang, JPS telah menjalankan projek-projek seperti berikut dengan kos keseluruhan berjumlah RM5,454,100.00. Projek berkenaan adalah Projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Semenyih di Kampung Batu 3, Mukim Semenyih yang telah bermula pada 1 November 2016 dan akan disiapkan pada 4 April 2018 dengan kos sebanyak RM4,754,100.00. Selain itu, terdapat juga kerja-kerja penyelenggaraan berkala bagi sungai dan kolam takungan yang melibatkan kos sebanyak RM700,000.00.

- c) Jabatan ini akan mengeluarkan cadangan notis ke PBT dan Agensi berkenaan bagi menjalankan penguatkuasaan bagi pemaju-pemaju yang tidak mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEMBATALAN PROJEK RUMAH SELANGORKU

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah nama pemaju perumahan yang dibatalkan Projek Rumah Selangorku oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini dan sebab-sebab sebenar pembatalannya?
- b) Mohon spesifikasi sembilan projek yang dibatalkan itu meliputi bilangan unit dan lokasi mengikut kawasan-kawasan PBT.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri kini dalam proses menarik balik kelulusan pembangunan Rumah Selangorku daripada 9 pemaju kerana telah gagal untuk mematuhi syarat kelulusan MMKN yang telah ditetapkan iaitu perlu memulakan kerja-kerja fizikal di tapak dalam tempoh 2 tahun dari kelulusan yang diberikan.

Senarai 9 projek yang akan ditarik balik kelulusan adalah seperti jadual di bawah:-

| No | Pemaju |
|----|---|
| 1 | Angkasa Indah Sdn Bhd |
| 2 | Valiant Plus Sdn. Bhd. |
| 3 | D-Hill Sdn. Bhd. |
| 4 | Sanjung Segar Development Sdn. Bhd. |
| 5 | Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.) |
| 6 | K.Y.K Development Sdn. Bhd. |
| 7 | Pinggir Mentari Sdn. Bhd. |
| 8 | Famemont Development Sdn. Bhd. |
| 9 | Hua Yang Berhad (Pemaju Asal Regal Form Sdn. Bhd.) |

- b) Perincian projek yang terlibat dalam tindakan penarikan balik kelulusan adalah seperti berikut:-

| No | PBT | Pemaju | Lokasi Projek | Pecahan Unit |
|---------------|------|---|--|---|
| 1 | MPSJ | Angkasa Indah Sdn Bhd | Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 17395 Lot 64681, Jalan PJS 9/1, PJS 9, Bandar Sunway, Subang Jaya, Mukim Damansara Daerah Petaling. | 198 (Jenis D) |
| 2 | MPK | Valiant Plus Sdn. Bhd. | Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 11847 Lot 83949 Mukim Klang, Daerah Klang. | 50 (Jenis B) 50 (Jenis C) 169 (Jenis D) Jumlah : 269 |
| 3 | MPKj | D-Hill Sdn. Bhd. | Cadangan Rumah Selangorku di atas GRN 49797 Lot 942 Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat | 204 (Jenis B) 153 (Jenis C) 153 (Jenis D) Jumlah : 510 |
| 4 | MPAJ | Sanjung Segar Development Sdn. Bhd. | Cadangan Rumah Selangorku di atas Hakmilik HS(D) 67904 PT 3868 Dan HS(D) 67905 PT 3869 Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak. | 48 (Jenis D) |
| 5 | MPS | Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.) | Cadangan Rumah Selangorku di atas No Hakmilik PN 93260 Lot 23124 | 96 (Jenis D) |
| 6 | MPKj | K.Y.K Development Sdn. Bhd. | Cadangan Rumah Selangorku di atas HSD 134053 PT 69154 (sebahagian Lot asal 8597 Dan Lot 8598, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat. | 92 (Jenis B) 249 (Jenis C) Jumlah : 341 |
| 7 | MPS | Pinggir Mentari Sdn. Bhd. | Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik PM 854 GRN 54445 Lot 1048 dan sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak | 200 (Jenis C1) 200 (Jenis C2) 200 (Jenis D) Jumlah : 600 |
| 8 | MBSA | Famemont Development Sdn. Bhd. | Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik HSM 725 Lot 3622 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling. | 90 (Jenis C) |
| 9 | MPKj | Hua Yang Berhad (Pemaju Asal Regal Form Sdn. Bhd.) | Cadangan Rumah Selangorku di atas HS(D) 154349 PT 74041, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat | 250 (Jenis D) |
| JUMLAH | | | | 2,402 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : LONGGOKAN TAYAR TERPAKAI DI BATU 23, JALAN SUNGAI LALANG

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan bentuk-bentuk tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan berkaitan longgokan ribuan tayar terpakai di sebuah lokasi di Batu 23, Jalan Sungai Lalang, Semenyih.
- b) Apakah penyelesaian jangka panjang supaya longgokan tayar tersebut tidak menimbulkan ancaman kebakaran dan juga menjadi tempat pembiakan nyamuk?

JAWAPAN:

- a) Hasil siasatan pihak MPKj mendapati tanah yang mempunyai longgokan tayar adalah tanah persendirian dan bukannya tanah persendirian seperti yang dilaporkan oleh pihak akhbar. Pihak MPKj telah mengeluarkan notis dan mengarahkan pengusaha premis supaya membersihkan longgokan tayar tersebut. Pengusaha akur dan sedang menjalankan kerja-kerja pemindahan tayar ke lokasi lain.
- b) Bagi tindakan yang dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah adalah arahan notis pembersihan selama 14 hari di bawah Seksyen 8 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : STATUS BAJET SELANGOR 2017?

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan secara terperinci peratusan perlaksanaan Bajet Selangor 2017 mengikut portfolio.
- Apakah terdapat kegagalan Kerajaan Negeri melaksanakan sepenuhnya Bajet 2017 yang disebabkan faktor-faktor tertentu?

JAWAPAN:

- Budget Selangor yang telah diluluskan bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM3.45 bilion terdiri daripada peruntukan Mengurus sebanyak RM1.65 bilion atau 47.83% dan peruntukan Pembangunan berjumlah RM1.80 bilion atau 52.17% .

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.22 bilion atau 93.27% telah pun dibelanjakan dan perincian perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

**Jadual 1:
Perincian Perbelanjaan Tahun 2017**

| VOT | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN | |
|---------------|-------------------------|-------------------------|--------------|
| | | (RM) | (%) |
| MENGURUS | 1,650,000,000.00 | 1,585,995,690.70 | 96.12 |
| PEMBANGUNAN | 1,800,000,000.00 | 1,631,746,128.24 | 90.65 |
| JUMLAH | 3,450,000,000.00 | 3,217,741,818.94 | 93.27 |

Berdasarkan rekod di **Jadual 1**, Kerajaan Negeri Selangor telah mencapai sasaran belanja bagi tahun 2017 iaitu 95.0% bagi belanja Mengurus dan 90.0% bagi belanja Pembangunan. Kerajaan Negeri Selangor terus mempraktikkan penerapan perbelanjaan berhemat disamping mengamalkan kaedah perolehan berdasarkan prinsip *value for money*.

- Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya melaksanakan semua projek-projek pembangunan serta program-program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat yang direncanakan di bawah Bajet 2017 dengan baik selaras dengan prinsip *good governance*, ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Kejayaan ini juga sekali gus membuktikan kemampuan Kerajaan Negeri Selangor untuk terus berdaya tahan dan memacu pertumbuhan ekonomi yang mapan dalam merealisasikan gagasan “Membangun Bangsa Memakmur Negeri”.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENDAPATAN PBT

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah pendapatan setiap PBT dari 2015 – 2017.
- Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pendapatan PBT terutama di luar bandar?

JAWAPAN:

- Hasil PBT terbahagi kepada hasil iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Pecahan hasil dari tahun 2015 sehingga 2017 mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:

| PBT | Hasil Tahun 2015 (RM) (audited) | Hasil Tahun 2016 (RM) (audited) | Hasil Tahun 2017 (RM) (unaudited) |
|------|---------------------------------------|---------------------------------------|---|
| MBSA | 386,297,782.00 | 396,791,990.00 | 411,499,193.00 |
| MBPJ | 344,967,914.00 | 375,240,361.00 | 347,072,977.00 |
| MPK | 234,801,930.00 | 239,810,141.00 | 246,230,777.00 |
| MPAJ | 142,789,559.00 | 129,364,252.00 | 144,296,193.00 |
| MPSJ | 274,690,334.00 | 269,896,181.00 | 282,485,591.03 |
| MPS | 160,240,474.00 | 160,603,159.00 | 34,210,869.00 |
| MPKj | 174,592,188.00 | 182,317,020.00 | 183,480,000.00 |
| MPSp | 134,853,641.00 | 146,457,433.00 | 162,201,526.00 |
| MDKL | 85,124,951.00 | 72,099,845.00 | 62,482,593.00 |
| MDHS | 81,238,540.00 | 80,301,130.00 | 79,100,000.00 |
| MDKS | 49,946,445.00 | 54,994,294.00 | 99,987,592.59 |

| PBT | Hasil Tahun 2015 (RM) (audited) | Hasil Tahun 2016 (RM) (audited) | Hasil Tahun 2017 (RM) (unaudited) |
|---------------|--|--|--|
| MDSB | 23,190,379.00 | 26,178,299.00 | 17,449,982.16 |
| JUMLAH | 2,092,734,137.00 | 2,134,054,105.00 | 2,070,497,293.78 |

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau kutipan Cukai taksiran bagi semua PBT bertaraf Bandaraya, Perbandaran mahupun Daerah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Negeri bagi memastikan kutipan memenuhi sasaran berikut ianya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT Negeri Selangor. Selain itu, PBT juga memberi fokus untuk meningkatkan aktiviti hasil bukan cukai dalam usaha meningkatkan hasil yang ternyata akan memperkuuhkan rizab Majlis.

Dalam usaha memperkuuhkan rizab dan sekali gus memberi perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan mesra kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar perbelanjaan berhemah dan kawalan tunai yang berkesan bagi membantu meningkatkan rizab PBT Negeri Selangor melalui belanjawan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, PBT juga perlu mengawal dan memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan seimbang dengan hasil yang berjaya dikutip.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD (KHSB)

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan prestasi kewangan yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai tahun 2017.
- Nyatakan anggaran pendapatan KHSB pada tahun 2018.

JAWAPAN:

- Ringkasan prestasi kewangan KHSB (Kumpulan) pada tahun 2017 (yang belum diaudit) adalah seperti berikut:

| No. | Perkara / Tahun | 2017 (belum diaudit) |
|-----|--------------------------------------|----------------------|
| | | RM' juta |
| 1. | Kerugian selepas cukai dan zakat | 12.825 |
| 2. | Ekuiti pemilik | 310.986 |
| 3. | Aliran tunai (baki pada akhir tahun) | (5.834)* |

*baki pada akhir tahun (RM5.834) juta setelah mengambil kira penggunaan kemudahan bank overdraft sebanyak RM29.974 juta

- Anggaran pendapatan KHSB (Kumpulan) pada tahun 2018:

Berdasarkan kepada bajet dan pelan perniagaan yang telah dirangka di peringkat KHSB, anggaran hasil / pendapatan oleh KHSB (Kumpulan) pada tahun 2018 adalah seperti jadual berikut:

| No | Perkara / Tahun | 2018 (bajet) |
|----|------------------------------------|--------------|
| | | RM' juta |
| 1. | Hasil / Pendapatan | 373.411 |
| 2. | Keuntungan selepas cukai dan zakat | 63.970 |

Anggaran hasil / pendapatan seperti yang tertera diatas adalah disumbangkan, antara lain daripada transaksi-transaksi berikut:-

- Pengiktirafan pendapatan daripada projek usahasama di Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor sebanyak RM160.00 juta. Pengiktirafan hasil/pendapatan pada tahun 2018 adalah bergantung kepada kebenaran dan

- juga kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan yang perlu diperolehi dalam tahun 2018; dan
2. Pengiktirafan pendapatan daripada penjualan tanah-tanah lot industri di Pulau Indah, Selangor sebanyak RM201.65 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : RUMAH PPR

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua rumah PPR yang ada di Selangor mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan kepada PPR pada 2017 mengikut jenis bantuan.

JAWAPAN:

- a) PPR yang berada di bawah pengurusan Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) adalah seperti berikut:
 - i) PPR Kota Damansara (Sekyen 8, Petaling Jaya),
 - ii) PPR Kg. Baru Hicom (Seksyen 26, Shah Alam),
 - iii) PPR Seri Kiambang (Serendah)
- b) Jumlah perbelanjaan kepada PPR pada 2017 mengikut jenis bantuan adalah seperti berikut:-

PPR Kg. Baru Hicom

Pada tahun 2017, PHSSB telah mendapat peruntukan dari Kerajaan Negeri melalui pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk menjalankan kerja-kerja baikpulih dan menaiktaraf sembilan (9) unit lif di PPR Kg. Baru Hicom dengan kos RM1,931,691.76.

PPR Kota Damansara

Tiada peruntukan untuk kerja baikpulih. Pengurusan dan penyelenggaraan bangunan adalah sepenuhnya menggunakan hasil kutipan sewa. Sehubungan itu, PHSSB telah membuat analisa anggaran kutipan dan perbelanjaan bulanan di mana defisit yang ditanggung oleh PHSSB setiap bulan adalah sebanyak RM41,392.07. Antara kerja-kerja baikpulih yang telah dibuat pada tahun 2016 dengan anggaran kos perbelanjaan sebanyak RM6 juta adalah membaikpulih dan menaiktaraf lif yang sebelum ini hanya satu unit lif sahaja berfungsi di setiap blok dan kerap mengalami kerosakan, membaikpulih 'railing' koridor dan tangga yang hilang dan reput, membuat kalibrasi ke atas sistem elektrik, mengecat semula keseluruhan bangunan yang luntur dan menaiktaraf dan membina tempat letak motosikal dan ditambah dengan lampu untuk keselamatan.

PPR Seri Kiambang

Pada tahun 2017, PHSSB telah menjalankan kerja pembaikan 35 unit kosong dengan kos RM126,680.00. Peruntukan kerja pembaikan adalah disalurkan oleh pihak LPHS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : LEBUHRAYA BAHARU

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan lebuhraya yang telah diluluskan dan sedang dibina di Selangor.
- Nyatakan jumlah pemegang saham Kerajaan Negeri ke atas lebuhraya berikut.

JAWAPAN:

- Untuk makluman YB, pembinaan mana-mana lebuhraya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan dan pemantauan kepada kerja-kerja pembangunan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Terdapat lima (5) konsesi lebuhraya yang telah diluluskan dan sedang dibina di Negeri Selangor iaitu:

| BIL. | LEBUHRAYA | KELULUSAN |
|------|---|---------------|
| 1. | Lebuhraya Pantai Barat (WCE) | November 2005 |
| 2. | Lebuhraya Damansara - Shah Alam (DASH) | Mei 2012 |
| 3. | Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE) | Mei 2012 |
| 4. | East Klang Valley Expressway (EKVE) | Mei 2012 |
| 5. | Lebuhraya Putrajaya – KLIA (MEX II) | April 2000 |

Manakala Lebuhraya Paroi – Senawang – KLIA – Salak Tinggi (SKLIA) masih dalam proses bawah Seksyen 4 untuk tujuan kajian lanjutan ukur dan siasatan tanah.

- Hasil semakan dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapati tiada pemegang saham Kerajaan Negeri ke atas projek lebuhraya di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : WABAK DENGGI

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah penurunan kes denggi pada 2017 berbanding 2016.
 - Nyatakan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi mengatasi wabak denggi pada 2017.

JAWAPAN:

- Laporan situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif bagi tahun 2017 pada Epid 52 iaitu sehingga 30 Disember 2017 adalah 45,290 kes telah direkodkan. Manakala bagi tempoh Epid yang sama untuk tahun 2016 mencatatkan kumulatif kes sebanyak 51,652 kes. Jumlah kes Denggi bagi tahun 2017 menunjukkan pengurangan sebanyak 12.3% iaitu sebanyak 6,362 kes berbanding kes pada tahun 2016.

Bagi kumulatif kes kematian pula adalah sebanyak 67 pada tahun 2017 berbanding 78 kes pada tempoh yang sama pada tahun 2016 iaitu pengurangan 11 kes. **Jadual 1** di bawah menunjukkan perbandingan kes Denggi dan kes kematian bagi tahun 2016 dan 2017 mengikut daerah :

| DAERAH | KUMULATIF KES (EPID 52) | | KUMULATIF KEMATIAN | |
|----------------|----------------------------|---------------|-----------------------|-----------|
| | 2016 | 2017 | 2016 | 2017 |
| Petaling | 21,069 | 13,658 | 13 | 27 |
| Hulu Langat | 11,830 | 13,243 | 29 | 24 |
| Klang | 7,623 | 7,913 | 7 | 10 |
| Gombak | 5,834 | 5,727 | 10 | 8 |
| Sepang | 1,986 | 1,807 | 1 | 2 |
| Kuala Langat | 1,422 | 1,328 | 2 | 1 |
| Hulu Selangor | 1,050 | 865 | 3 | 4 |
| Kuala Selangor | 596 | 551 | 2 | 2 |
| Sabak Bernam | 242 | 198 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 51,652 | 45,290 | 67 | 78 |

Jadual 1 (*Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri Selangor*)

- b) Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta bagi Aktiviti Kawalan dan Pencegahan Denggi. Sebahagian besar peruntukan bagi tahun 2017 digunakan secara optimum dengan melantik ‘Pest Controller Operator’ (PCO) di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut keperluan masing-masing. Penggunaan PCO ini dapat membantu pihak PBT dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam membuat aktiviti kawalan demam denggi terutama di kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan hotspot.

Pecahan penggunaan peruntukan bagi Aktiviti Kawalan dan Pencegahan Negeri Selangor tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 2** :

| PROGRAM KAWALAN & PENCEGAHAN DENGGI TAHUN 2017 | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) |
|---|-------------------------------|
| Pest Control Operator (PCO) | 2,754,000.00 |
| Aktiviti Pencegahan & Kawalan Denggi PBT | 1,200,000.00 |
| Aktiviti Pencegahan & Kawalan Denggi – DUN | 560,000.00 |
| Aktiviti Pencegahan & Kawalan Denggi – Pejabat Tanah & Daerah | 350,000.00 |
| Program Kesedaran Denggi | 136,000.00 |
| JUMLAH | 5,000,000.00 |

Jadual 2 :Ringkasan penggunaan peruntukan Denggi tahun 2017

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : GERAI PENJAJA

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah kelulusan lesen penjaja dari 2015-2017.
- Nyatakan jumlah perobohan gerai penjaja dari 2015-2017 mengikut PBT.

JAWAPAN:

- Jumlah kelulusan lesen penjaja bagi **tahun 2015 adalah sebanyak 10,924**, bagi tahun **2016 adalah sebanyak 14,537** manakala bagi tahun **2017 adalah sebanyak 14,377**. Perincian kelulusan lesen penjaja dari 2015-2017 mengikut PBT adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Jumlah kelulusan lesen penjaja dari 2015-2017 mengikut PBT

| PBT | Jumlah Kelulusan Lesen Penjaja | | |
|---------------|--------------------------------|---------------|---------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 |
| MBSA | 346 | 360 | 518 |
| MBPJ | 261 | 281 | 258 |
| MPK | 30 | 123 | 49 |
| MPAJ | 5,029 | 6,883 | 6,244 |
| MPSJ | 252 | 983 | 882 |
| MPS | 1,672 | 1,757 | 1,561 |
| MPKJ | 1004 | 820 | 1099 |
| MPSP | 68 | 72 | 69 |
| MDKL | 713 | 753 | 760 |
| MDHS | 270 | 134 | 211 |
| MDKS | 993 | 2,120 | 2,377 |
| MDSB | 286 | 251 | 349 |
| JUMLAH | 10,924 | 14,537 | 14,377 |

Nota : Sumber data daripada PBT

- Jumlah perobohan gerai penjaja bagi **tahun 2015 adalah sebanyak 306 unit**, bagi tahun **2016 adalah sebanyak 293 unit** manakala bagi tahun **2017 adalah sebanyak 263 unit**. Perincian tindakan perobohan gerai penjaja dari 2015-2017 mengikut PBT adalah seperti berikut :

Jadual 2 : Jumlah perobohan gerai penjaja dari 2015-2017 mengikut PBT.

| PBT | Jumlah Perobohan Gerai Penjaja | | |
|---------------|---------------------------------------|------------|------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 |
| MBSA | Tiada tindakan perobohan yang diambil | | |
| MBPJ | 57 | 53 | 12 |
| MPK | 20 | 13 | 21 |
| MPAJ | 0 | 2 | 3 |
| MPSJ | Tiada tindakan perobohan yang diambil | | |
| MPS | 214 | 223 | 224 |
| MPKJ | 3 | 0 | 0 |
| MPSP | 0 | 0 | 0 |
| MDKL | 0 | 0 | 0 |
| MDHS | 0 | 0 | 0 |
| MDKS | 12 | 2 | 3 |
| MDSB | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 306 | 293 | 263 |

Nota : Sumber data daripada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : HOTEL BAJET

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hotel bajet yang berlesen dan tidak berlesen dari 2015-2017 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah kelulusan hotel bajet dari 2015-2017 mengikut PBT.

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah hotel bajet yang berlesen dan tidak berlesen dari 2015-2017 mengikut PBT adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1 : Jumlah hotel bajet berlesen dan tidak berlesen dari 2015-2017

| Bil. | PBT | Hotel Bajet Berlesen | | | Hotel Bajet Tidak Berlesen | | |
|------|-------------|----------------------|------|------|----------------------------|------|------|
| | | 2015 | 2016 | 2017 | 2015 | 2016 | 2017 |
| 1. | MBSA | - | 5 | 11 | 29 | 38 | 22 |
| 2. | MBPJ | 57 | 70 | 76 | 40 | 18 | 1 |
| Bil. | PBT | Hotel Bajet Berlesen | | | Hotel Bajet Tidak Berlesen | | |
| 3. | MPK | 2015 | 2016 | 2017 | 2015 | 2016 | 2017 |
| 4. | MPAJ | 19 | 23 | 24 | 7 | 8 | 6 |
| 5. | MPSJ | - | - | - | 57 | 47 | 25 |
| 6. | MPS | 35 | 16 | 18 | 16 | 65 | 52 |
| 7. | MPKJ | 7 | 5 | 4 | - | - | - |
| 8. | MPSP | 21 | 26 | 32 | 3 | 5 | 10 |
| 9. | MDKL | 12 | 14 | 15 | 3 | 7 | 7 |
| 10. | MDHS | 2 | 2 | 1 | - | - | - |
| 11. | MDKS | 11 | 11 | 13 | - | - | - |

| | | | | | | | |
|------------|---------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| 12. | MDSB | 26 | 28 | 29 | - | - | - |
| | JUMLAH | 244 | 256 | 279 | 160 | 191 | 140 |

Nota : Sumber data daripada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KASIH IBU SMART SELANGOR

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah permohonan KISS mengikut DUN.
- b) Nyatakan jumlah permohonan yang tidak diluluskan mengikut DUN.

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebagaimana ucapan pembentangan belanjawan yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada November 2017 yang lalu, seramai 30,000 orang rakyat Selangor akan menerima manfaat daripada program ini dengan nilai sebanyak RM200.00 sebulan bagi setiap orang yang akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri kepada golongan ibu bagi menampung pembelian barang keperluan asas keluarga tanpa tunai di kedai atau pasaraya yang telah dikenalpasti.

Secara keseluruhan, jumlah penerima kad KISS di seluruh Negeri Selangor sehingga 21 Mac 2018 adalah seramai 20,081 orang. Pemberian kad KISS kepada Pejabat DUN atau Penyelaras DUN dan seterusnya kepada penerima kad KISS adalah dilaksanakan secara berperingkat mengikut DUN kerana proses kerja yang perlu dilalui bermula dari penerimaan permohonan sehingga cetakan kad perlu dilaksanakan dan disemak dengan teliti agar proses pemilihan dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah agihan peruntukan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelenggara jalan di seluruh Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak PBT?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan MARRIS diagihkan terus kepada agensi pelaksana iaitu JKR Selangor, JPS Selangor, dua belas (12) Pihak Berkua Tempatan (PBT) dan sembilan (9) Pejabat Daerah/ Tanah (PDT) dengan mengambil kira dua (2) faktor iaitu:-
 - (i) Panjang jalan yang direkodkan oleh setiap agensi pelaksana tersebut; dan
 - (ii) Rekod prestasi agensi pelaksana pada tahun semasa sebagai asas (*performance based*) untuk memuktamadkan jumlah peruntukan MARRIS yang akan diagihkan.
- b) Berdasarkan rekod, pemberian MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah berjumlah **RM511,808,029.04** berbanding agihan sebenar berjumlah **RM663,628,906.03**. Sejumlah **RM438,181,861.57** atau **66.03%** daripada jumlah agihan tersebut adalah khusus untuk Pihak Berkua Tempatan (PBT). Perkara ini dapat dilihat menerusi jadual berikut:-

Jadual
Komposisi Agihan Peruntukan MARRIS Tahun 2017
(Setakat 15 Mac 2018)

| BIL. | AGENSI PELAKSANA | PENYALURAN MARRIS 2017 | |
|--------------------|-----------------------------|-----------------------------------|---------------|
| | | Sebenar (RM) | % |
| 1. | JKR Selangor | 196,000,000.00 | 29.53 |
| 2. | JPS Selangor | 3,991,414.02 | 0.60 |
| 3. | PBT Selangor | 438,181,861.57 | 66.03 |
| 4. | PDT Selangor | 25,455,630.44 | 3.84 |
| JUMLAH (RM) | | 663,628,906.03 | 100.00 |

Nota:-

1. Beza/ kurangan yang direkodkan ditampung menerusi baki Kumpulan Wang Amanah MARRIS tahun terdahulu.

Peruntukan yang telah disalurkan kepada PBT tersebut digunakan bagi menyenggara pelbagai jenis jalan yang berada di bawah tanggungjawab PBT iaitu **Jalan Perbandaran, Lorong-Lorong Belakang** dan **Jalan Perumahan Kos Murah**. Jalan-jalan ini diselenggara dengan baik sekali dan sebarang aduan berkaitan kerosakan dipantau menerusi aplikasi Waze.

Namun begitu, semakan terhadap statistik yang direkodkan oleh aplikasi Waze tersebut menunjukkan terdapat **437** aduan jalan berlubang di Jalan Persekutuan dalam tempoh Januari-Februari tahun 2018 ini telah gagal diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa tanggungjawab menyenggara Jalan Persekutuan ini adalah pada JKR Negeri Selangor dengan pembayaran sepenuhnya dari Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mendapati peruntukan yang disalurkan bagi pemberian jalan ini tidak mencukupi sehingga menyebabkan aduan kerosakan jalan tersebut telah gagal ditangani dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENDIDIKAN

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Berapakah jumlah agihan peruntukan pendidikan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- b) Sektor pendidikan memainkan peranan penting dalam memastikan generasi akan datang dapat menimba ilmu seiring dengan pembangunan Negeri Selangor. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah besar peruntukan yang merangkumi pendidikan dan pendidikan tinggi.

Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan pendidikan melalui program-program berikut iaitu :

- i. Program Bantuan Sekolah dari tahun 2009 hingga 2017 peruntukan sebanyak RM124,000,000.00 telah dibelanjakan. Program ini merupakan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah untuk penambahbaikan infrastruktur sekolah agar lebih kondusif dan permohonan terbuka untuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Mubarigh.
- ii. Program SKIM Tunas sebanyak RM24,010,000.00 telah diperuntukkan dari tahun 2012 hingga 2017. Program ini merupakan bantuan yuran tadika sebanyak RM50.00 sebulan kepada pelajar tadika yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah.
- iii. Selain itu bantuan pendidikan turut diberikan melalui Program Tuisyen Online dan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dengan jumlah peruntukan masing-masing sebanyak RM29,800,000.00 dari tahun 2009 hingga 2017 dan RM3.9 juta bagi tahun 2017.
- iv. Untuk sektor pendidikan daripada pendidikan awal sehingga menengah jumlah peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM37.9 juta.

Selain itu, jumlah peruntukan pendidikan tinggi bagi hadiah pengajian masuk universiti sejumlah RM64,768,000.00 telah dibelanjakan dari tahun 2008 hingga

tahun 2017. Manakala pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan sara diri khas kepada anak Selangor yang menuntut di Universiti Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa INPENS dengan RM800.00 sebulan dan maksimum 3 bulan sahaja. Bagi tujuan tersebut sebanyak RM2,256,800.00 telah dibelanjakan.

Di samping itu, bagi memastikan pembangunan mahasiswa seimbang dan suasana pembelajaran yang kondusif Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM95,600,946.06 bagi tujuan pembangunan pendidikan tinggi dari tahun 2009 hingga 2017 yang merangkumi menaik taraf fasiliti institut pengajian tinggi di bawah Kerajaan Negeri Selangor, program-program pembangunan mahasiswa, kajian dan sebagainya.

Bagi meringankan beban kewangan anak-anak Selangor yang ingin menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM139,936,934 dalam bentuk biasiswa, pinjaman pelajaran dan bantuan kewangan bagi tahun 2008 – 2017. Ini adalah kenaikan hampir 7 kali ganda berbanding dalam tempoh yang sama pada tahun 1998 – 2007 yang berjumlah RM21,111,716. Pertambahan bantuan pendidikan ini adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri yang telah meningkatkan peruntukan bagi program pinjaman pelajaran sedia ada dan juga memperkenalkan program-program baru seperti berikut:

- i. Program Khas Peduli Siswa
- ii. Program Khas Peduli Siswa Timur Tengah
- iii. Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor
- iv. Biasiswa Selangorku
- v. Biasiswa Sagong Tasi
- vi. Biasiswa Selangor Brain Bank

Selain itu, peningkatan prestasi kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran juga telah membantu Kerajaan Negeri meningkatkan lagi jumlah pembiayaan pendidikan kepada rakyat Selangor.

Melalui inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri ini ia dapat meningkatkan mutu pendidikan seiring dengan pembangunan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan nama dan prestasi kewangan semua syarikat di bawah MBI.
- Apakah pencapaian terbaik MBI sepanjang pentadbiran Pakatan Harapan?

JAWAPAN:

a)

| Bil | Nama Anak-anak syarikat MBI | Keuntungan/(Kerugian) pada tahun 2017 (Belum Audit) RM'000 |
|------|--|---|
| 1 | Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) | 17,003 |
| 2 | Kumpulan Darul Ehsan Berhad | (1,053) |
| i. | Kumpulan Perangsang Berhad | 68,227 |
| ii. | Kumpulan Hartanah Selangor Berhad | (12,825) |
| iii. | KDEB Waste Management Sdn Bhd | (979) |
| 3 | Permodalan Negeri Selangor Berhad | 42,772 |
| 4 | Kumpulan Semesta Sdn Bhd | 1,009 |
| 5 | Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd | (184) |
| 6 | Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad | (702) |
| 7 | Pendidikan Industri YS Sdn Bhd | 5,979 |
| 8 | Inpen (Selangor) Sdn Bhd | 1,300 |
| 9 | Invest Selangor Berhad | (873) |
| 10 | Communication Corporation Sdn Bhd | (385) |
| 11 | Tourism Selangor Berhad | 524 |
| 12 | Yayasan Hijrah Selangor | 2,068 |
| 13 | Yayasan Warisan Anak Selangor | 147 |
| 14 | Rantaian Mesra Sdn Bhd | (7) |
| 15 | SRM Setia Sdn Bhd | 2,666 |
| 16 | SmartSel Sdn Bhd | (102) |
| 17 | Landasan Lumayan Sdn Bhd | (5,141) |

- b) Semenjak akhir tahun 2015, MBI mula memainkan peranan penting sebagai peneraju pelaburan dan pembangunan aset-aset strategik bagi pihak Kerajaan Negeri untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri. Sebagai salah satu agensi kerajaan, MBI bertanggungjawab melaksanakan inisiatif-inisiatif yang menyokong agenda semasa Kerajaan Negeri. Selain itu, MBI juga membantu Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat anak Kerajaan Negeri (GLC) dan agensi-agensi kerajaan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi termasuk isu legasi yang telah lama wujud dan masih belum diselesaikan.

Pada tahun 2015 juga, MBI telah melaksanakan program transformasi “Agenda Makmur Selangor” (2015-2020) bagi memperkuatkan halatuju strategik MBI. Rumusan pencapaian utama terbaik MBI semenjak tahun 2015 sehingga kini adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan *Smart Selangor Delivery Unit (“SSDU”)* bagi menerajui dan memacu strategi Smart Selangor, yang merupakan inisiatif utama Kerajaan Negeri dalam menggerakkan Selangor menjadi Negara Pintar atau *Smart State* pada tahun 2025. Semenjak penubuhannya, SSDU berjaya memperkuatkan ekosistem Smart Selangor dan *Internet of Things (“IoT”)* melalui:
- penubuhan *Smart Selangor Command Centre (“SSCC”)* bagi memusatkan kesemua data agensi dan jabatan yang sedang dan bakal terlibat dalam Smart Selangor untuk dianalisa bagi tujuan pemantauan, membuat keputusan dan pengurusan dasar atau strategik. Selain dari memusatkan data dari pelbagai sistem perintis yang dilaksanakan SSDU, pihak Unit Pengurusan Bencana (UPB) dari SUK adalah jabatan pertama yang telah beroperasi di SSCC dan melaksanakan operasi pemantauan menerusi satelit dan pengurusan insiden hutan terbakar, pencemaran air dan lokasi sampah haram.
 - SSDU juga telah melancarkan pemantauan kualiti udara melalui platform IoT bagi pemantauan secara *real-time*;
 - Pelaksanaan *Intelligent Response Selangor (“i-RS”)* menyediakan satu *platform open standard* yang mempunyai reka bentuk responsif untuk mengurus dan menilai jalan berlubang di kawasan Negeri Selangor secara masa nyata (*real time*). i-RS membolehkan dan mengautomatikkan pemprosesan data **Waze CCP (Connected-Citizens Program)**, iaitu sebuah kerjasama diantara MBI dengan Google Asia Pacific, dengan lebih efektif dan efisien. Maklumat-maklumat penting turut dapat disimpan dan diperoleh semula dengan lebih sistematik dan selamat; Dengan memanfaatkan aplikasi Waze,

inisiatif ini membolehkan rakyat melaporkan lokasi yang lebih tepat mengenai jalan berlubang yang terdapat di kawasan Selangor. Selain aduan jalan berlubang, PBT juga bertanggungjawab memuatnaik maklumat jalan yang ditutup bagi sesuatu tujuan supaya pengguna jalan raya mendapat maklumat sebelum merancang perjalanan. Inisiatif ini juga telah diperkembangkan tahun ini dengan penglibatan JKR Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah serta Lembaga Lebuhraya Malaysia;

- *Selangor Intelligent Transport System (“SITS”)*, telah berjaya meningkatkan penyampaian khidmat Bas Smart Selangor kepada rakyat dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan menyediakan aplikasi dan mendapatkan maklumat seperti perhentian bas yang terdekat, jangka masa tiba bas, dan penggunaan bas dan laluan secara optimum;
 - *Community Opinions Online (“COOL”)* menyediakan platform digital untuk rakyat berinteraksi dengan Kerajaan Negeri dan wakil rakyat dengan lebih berkesan telah dilaksanakan di tiga (3) kawasan ADUN dan sedang dikembangkan untuk kesemua kawasan ADUN di Selangor;
- (ii) pelantikan KDEB Waste Management Sdn Bhd (“**KDEBWM**”) sebagai *Project Management Company (PMC)* untuk pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih efisyen di Majlis Perbandaran Klang (“**MPK**”). Sehingga tahun 2017, KDEBWM telahpun mengambil alih pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di Majlis Perbandaran Selayang (“**MPS**”) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (“**MPAJ**”) serta pembersihan awam di MPK dan MPAJ. Semenjak pengambilalihan pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di PBT berkaitan oleh KDEBWM, jumlah aduan yang diterima daripada pengguna mencatatkan penurunan secara mendadak;
- (iii) pembangunan aplikasi *iClean Selangor* bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesaan operasi pengurusan kutipan sisa pepejal yang dipantau terus melalui kaedah *real-time monitoring* oleh *Central Command Centre* yang ditubuhkan di KDEBWM. Aplikasi *iClean Selangor* telah dilaksanakan di MPK, MPS dan MPAJ bagi membantu KDEBWM menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan lebih berkesan;
- (iv) pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang di mana Hebat Abadi Sdn Bhd telah berjaya mengeluarkan 15,909 tan metrik sampah terapung sehingga akhir Disember 2016, 16,000 tan metrik sampah sehingga

sehingga Disember 2017, dengan jumlah keseluruhan melebihi 33,054 tan sampah berjaya dibersihkan sehingga Januari 2018. Manakala 48 perangkap sampah (log boom) telah dipasang di tiga (3) lokasi yang berbeza iaitu pintu air, saluran utama dan anak sungai di sepanjang Sungai Klang;

- (v) peningkatan penggunaan WiFiSS yang diluar jangkaan daripada 227,871 sesi pada bulan Disember 2015 kepada 8,156,637 sesi sehingga Disember 2016 sekaligus menunjukkan penerimaan rakyat Selangor terhadap inisiatif WiFi Smart Selangor (“**WiFiSS**”). MBI juga melaksanakan pemasangan semula dan penambahan *access points* WiFiSS ke kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya kawasan berpendapatan rendah, bertujuan untuk memperkasakan rakyat Selangor supaya membuat keputusan berhemah berdasarkan informasi. Pada penghujung tahun 2017, terdapat sebanyak 3,610 AP WiFiSS di seluruh Negeri Selangor. Jumlah bilangan yang berdaftar bagi tahun 2017 adalah sebanyak 893,602 dan jumlah bilangan sesi langganan Wi-Fi adalah sebanyak 20,170,644;
- (vi) pelancaran *road show* pertama Program Intervensi Awal (*Early Intervention Program*) (“**EIP**”) di Hulu Selangor khusus untuk kanak-kanak berkeperluan khas bagi membantu ibu bapa mengambil langkah awal untuk mengelakkan berlakunya masalah sampingan pada keadaan fizikal anak-anak mereka di masa akan datang. Sehingga kini, banyak aktiviti-aktiviti dan program spin-off di bawah EIP telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran orang awam khususnya ibu bapa kanak-kanak berkeperluan khas mengenai langkah awal yang perlu diambil bagi membantu perkembangan kanak-kanak dari segi perkembangan diri dan aktiviti harian. Sehingga akhir 2017, seramai 3,035 penyertaan telah direkod bagi program serta bengkel keibubapaan yang dianjurkan, manakala 135 kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah telah menjalani ujian saringan bersama pakar-pakar perkembangan kanak-kanak.
- (vii) Pada November 2017, MBI Selangor telah mengetuai delegasi Smart Selangor ke Barcelona untuk mempamerkan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor tersebut di Smart City Expo World Congress 2017 yang merupakan ekspo Smart City terbesar di dunia. Acara tersebut mempamerkan bandar-bandar, syarikat serta pakar tersohor dunia di dalam industri Smart City dan penglibatan Selangor telah membawa negeri ini ke persada antarabangsa, mendapat pengiktirafan dunia dengan pameran kemajuan serta inovasi negeri di bawah agenda Smart Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PORTFOLIO PENDIDIKAN

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan 3 pencapaian terbaik portfolio pendidikan dari 2013-2017.
 - Nyatakan peratusan perlaksanaan Bajet Selangor 2017 bagi portfolio pendidikan.
- JAWAPAN:**
- Pencapaian terbaik portfolio Pendidikan dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 antaranya ialah :
 - Kerajaan Negeri telah mengagihkan bantuan sebanyak RM80,218,615.00 kepada 741 buah sekolah melalui program Bantuan Sekolah untuk meningkatkan tahap infrastruktur sekolah-sekolah di Negeri Selangor ke tahap yang lebih baik. Sekolah-sekolah yang telah menerima bantuan terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mualigh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.
 - Kerajaan Negeri juga melalui telah mengagihkan peruntukan kepada pelajar melalui Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dengan peruntukan sebanyak RM17,160,000 kepada 20,000 orang pelajar.
 - Inovasi daripada PTRS yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri terus mengorak langkah menyediakan perkhidmatan Tuisyen atas talian atau *Tuition Online* bermula pada tahun 2017 dan sehingga kini. Jumlah peruntukan yang disediakan sebanyak RM4 juta pada tahun 2017 dan telah dinaikkan kepada RM5 juta pada tahun ini.
 - Untuk program Pendidikan awal Kerajaan Negeri juga telah memberi bantuan sebanyak RM24,010,000 kepada 36,252 orang kanak-kanak yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah.
 - Jadual peratusan perlaksanaan Bajet Selangor 2017 bagi portfolio Pendidikan adalah seperti jadual berikut :

| PROJEK | PERUNTUKAN RM | BELANJA RM | BAKI RM | PERATUS |
|--------------------------------|--------------------------|-----------------------|--------------------|----------------|
| 05002 (PEN. TINGGI) | 28,500,000.00 | 28,115,227.83 | 311,772.17 | 98.6% |
| 18006 (HPIPT) | 8,000,000.00 | 5,797,000.00 | 627,200.00 | 72.4% |
| 05001 (PENDIDIKAN) | 10,000,000.00 | 8,738,479.19 | 11,020.81 | 87.3% |
| 05003 (BANTUAN SEK) | 21,440,000.00 | 21,440,000.00 | - | 100% |
| 18007 (TUNAS) | 5,000,000.00 | 4,276,040.00 | 723,960.00 | 85.5% |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KUTIPAN SEWA PARKIR

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan hasil kutipan sewa parkir pada 2017 mengikut PBT.
- Nyatakan jumlah saman parkir yang telah dikeluarkan pada 2017 mengikut PBT.

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah keseluruhan hasil kutipan sewa parkir tahun 2017 bagi PBT di Negeri Selangor adalah sebanyak RM30,210,702.11. Manakala jumlah keseluruhan bilangan saman parkir yang telah dikeluarkan pada tahun 2017 adalah sebanyak 2,304,131. Jumlah ini adalah bagi PBT selain Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) yang masih belum melaksanakan kutipan sewa parkir. Perincian jumlah hasil kutipan sewa parkir dan jumlah saman parkir bagi tahun 2017 mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | Hasil Kutipan Sewa Parkir (RM) | Jumlah Bilangan Saman Parkir |
|------|--------------------------------|------------------------------|
| MBSA | 6,947,250.00 | 440,386 |
| MBPJ | 7,833,672.00 | 238,724 |
| MPK | 1,100,102.00 | 268,378 |
| MPAJ | 5,615,406.68 | 139,269 |
| MPSJ | 3,813,135.00 | 242,714 |
| MPS | 2,195,015.00 | 270,347 |
| MPKj | 2,193,532.53 | 650,439 |
| MPSp | 302,874.00 | 33,758 |

| | | |
|---------------|--|------------------|
| MDKL | 209,714.90 | 20,116 |
| MDHS | Belum melaksanakan kutipan sewa parkir | |
| MDKS | Belum melaksanakan kutipan sewa parkir | |
| MDSB | Belum melaksanakan kutipan sewa parkir | |
| JUMLAH | 30,210,702.11 | 2,304,131 |

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : ISU TANAH PENEROKA IJOK

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peneroka yang terlibat.
- b) Nyatakan secara terperinci pampasan yang telah diberi kepada peneroka.
- c) Nyatakan bantahan yang diterima berkenaan isu tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peneroka yang terlibat seramai 987 orang peneroka.
- b) Setiap peneroka yang terlibat telah menerima wang tunai berjumlah RM180,000.00 dan juga sebuah rumah teres 2 tingkat dengan keluasan 20' X 70' yang berharga RM240,000.00 sebuah di mana nilai semasa rumah tersebut adalah RM450,000.00 sebuah.
- c) Tiada bantahan yang diterima daripada peneroka.